*Artikel Penyelidikan*

# Sang Cakerawala Unggul: Dedikasi dan Perjalanan Seni Tokoh Veteran Shaharuddin Thamby.

**Noorauni Nabilah Ridzuan[1], Aida Nabila Mohd Rahman[2], Noor Arina Md Arifin[3*] dan Fatin Nur Zulkipli[4]**

[1] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020834968@student.uitm.edu.my;

[2] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020496206@student.uitm.edu.my;

[3] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;

[4] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;
Correspondence: arina848@uitm.edu.my; +60179620049

***Abstrak:*** *Kajian kualitatif berasaskan kaedah temubual ini meneliti penglibatan dan perjalanan kerjaya tokoh seni lakonan veteran tanah air iaitu Tuan Shaharuddin Thamby. Kajian ini bertujuan mengupas mengenai penglibatan beliau dalam bidang seni lakonan. Beliau merupakan pelakon veteran tanah air berusia 65 tahun dan telah mencurah bakti selama 33 tahun. Karier beliau mula bertapak dalam industri sejak tahun 1989. Beliau masih lagi bergiat aktif dalam seni perfileman, drama serta teater tempatan dengan memegang watak yang ikonik seperti watak seorang bapa dan datuk seiring dengan usia beliau. Objektif kajian adalah untuk mengetahui latar belakang serta pengalaman sebenar dalam bidang perfileman, drama dan teater selain merungkai realiti di sebalik tabir industri hiburan di Malaysia menerusi pandangan beliau. Selain itu, menerusi kajian ini juga kita dapat mendalami penceritaan serta perjuangan tokoh yang mana boleh dijadikan sumber inspirasi, iktibar dan panduan kepada masyarakat kini. Kajian ini menggunakan kaedah temubual sebagai metodologi utama dalam mendapatkan maklumat dimana proses temubual bersama tokoh telah dijalankan di Kafe FINAS pada Disember 2022. Selain itu, penyelidik juga turut menggunakan kaedah rujukan bahan bertulis seperti jurnal artikel dan sumber ilmiah yang berkaitan bagi menyokong maklumat kajian. Hasil kajian mendapati bahawa Tuan Shaharuddin Thamby memainkan peranan penting dalam perkembangan industri seni tanah air melalui penglibatan beliau dalam industri.*

*Kata kunci:* *pelakon, filem, industri seni, lakonan tempatan, Shahruddin Thamby*

**Copyright:** © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

## 1. PENGENALAN

Industri lakonan tanah air sentiasa menjadi tumpuan utama masyarakat untuk memahami realiti kehidupan dan menghayati cerminan budaya melalui skrin dan pentas. Dunia lakonan sememangnya memberi impak yang sangat besar dalam membentuk pandangan orang luar terhadap negara kita kerana pemikiran sesebuah komuniti itu mempengaruhi cara mereka mempersembahkan hasil karya mereka. Rakyat Malaysia menaruh harapan yang tinggi kepada industri yang turut memberikan kredit dalam pendapatan dan kemajuan Malaysia di dalam negara serta antarabangsa. Perkara yang dihuraikan dalam kajian ini termasuklah perjuangan seorang tokoh seni lakonan Malaysia yang telah menempa nama dalam industri untuk tempoh masa yang lama iaitu Tuan Shaharuddin Thamby. Beliau telah bergiat di dalam industri ini selama 33 tahun. Beliau merupakan pelakon veteran Malaysia yang membantu menjayakan kajian ini dengan memberikan kerjasama dalam menjawab setiap persoalan kajian.

Kajian ini memfokuskan aspek khusus berkaitan kerjaya Tuan Shaharuddin Thamby dalam industri filem, drama dan teater. Jika sesi temubual sebelum ini lebih menyentuh latar belakang peribadi beliau secara umum, instrumen kajian kali ini dirangka husus untuk mendalami penglibatan seni beliau yang kekal aktif hingga ke hari ini.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menutup ruang kosong dalam penyelidikan lepas dengan mengangkat ketokohan dan sumbangan Tuan Shaharuddin Thamby dalam persada seni Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran sepanjang kajian ini dilaksanakan. Antaranya ialah kekurangan maklumat dalam talian memandangkan beliau jarang mengeluarkan kenyataan rasmi kepada media, meskipun masih aktif meneruskan karier. Di samping itu, penyelidik menghadapi sedikit kesukaran dari segi komunikasi dan penjadualan akibat jadual kerja tokoh yang padat. Walau bagaimanapun, masalah ini berjaya diatasi melalui perbincangan susulan yang berhemah serta penjelasan terperinci mengenai objektif kajian.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenali Tuan Shaharuddin Thamby dengan lebih dekat serta meneliti sumbangan beliau dalam memartabatkan seni wayang kulit sebagai warisan budaya tradisional. Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

i. Meneliti latar belakang serta maklumat khusus tokoh dalam bidang perfileman, drama, dan teater.
ii. Menyingkap realiti di sebalik tabir industri hiburan Malaysia menerusi pandangan dan pengalaman beliau.
iii. Menghayati penceritaan serta falsafah perjuangan tokoh sebagai sumber inspirasi, iktibar, dan panduan kepada masyarakat.

## 4. PERSOALAN KAJIAN

Semasa sesi temubual, soalan yang telah dikemukakan merangkumi latar belakang, Pendidikan, kemahiran, pengalaman serta harapan beliau. Namun, tumpuan utama diberikan kepada tema kajian yang mengupas aspek filem dan teater seperti Pendidikan lakonan, keperluan kemahiran serta sejarah dan pengalaman kerjaya selaras dengan Hasrat tokoh agar perbincangan lebih menjurus kepada bidang seni yang dihayati beliau. Di samping itu, kajian ini turut meneliti pelbagai aspek menarik untuk dikongsikan demi manfaat dan penghayatan masyarakat.

## 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana sebagai langkah untuk memelihara industri seni tanah air selain merungkai kebenaran keadaan realiti sebenar industri filem di Malaysia. Dokumentasi hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu memberi kesedaran kepada masyarakat serta orang ramai untuk menghayati pengalaman pelakon filem dan teater veteran. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan serta memupuk penghargaan masyarakat terhadap tokoh seni tanah air selain menjadi sumber rujukan kepada penyelidik pada masa depan. Melalui kajian ini, segala maklumat dan pengalaman yang dikongsikan oleh tokoh dapat direkodkan dan didokumentasikan sebagai usaha menghargai sumbangan mereka dalam mempertahankan industri seni perfilman dan teater.

Disamping itu, kajian ini diharapkan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang usaha Shaharuddin Thamby dalam mengembangkan industri perfileman.

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada sumbangan Tuan Shaharuddin Thamby dalam industri. Faedah yang seterusnya daripada kajian ini termasuk untuk mengubah pemikiran orang ramai tentang perbezaan perjuangan kehidupan seseorang dan sentiasa mengajar diri untuk maju ke hadapan. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada kesedaran tersebut dan membantu melatih orang ramai untuk berfikir secara rasional dalam apa jua perkara.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur merangkumi sorotan penyelidikan terdahulu yang berkait rapat dengan skop dan persoalan kajian yang dijalankan. Penyelidikan lepas boleh diperoleh daripada pelbagai sumber berautoriti seperti artikel jurnal ilmiah, buku akademik, dan tesis bagi memahami landskap isu secara holistik serta mengenal pasti jurang kajian terdahulu (Amani Dahaman, 2011). Sehubungan dengan itu, tinjauan literatur bagi kajian ini menumpukan kepada peranan medium seni kreatif, konsep teater dan drama, kepentingan penulisan skrip, dimensi psikologi lakonan, serta impak transformasi digital terhadap penggiat seni tempatan seperti Tuan Shaharuddin Thamby.

### 6.1 Filem sebagai medium sosial dan pembina naratif bangsa

Industri perfileman di Malaysia merupakan saluran media massa yang berpengaruh serta berakar umbi dalam kehidupan sosio-budaya masyarakat. Filem bukan sekadar hiburan santai, malah bertindak sebagai instrumen wacana yang membentuk emosi, minda, dan cara hidup penonton. Menurut Fauziah Kartini et al. (2009), penonton filem di Malaysia terdedah kepada kepelbagaian pilihan tontonan yang luas sekali gus membentuk cita rasa dan penerimaan mereka terhadap naskhah tempatan.

Juliana dan Mahyuddin (2009) turut menyokong pandangan tersebut dengan menekankan bahawa filem berperanan penting sebagai medium strategik untuk memebtuk makna dan menyebarkan ideologi dalam kalangan masyarakat. Menurut Asiah Sarji (2004) pula, industri perfileman bertindak sebagai cermin budaya yang merakam evolusi sosiopolitik dan pembentukan identiti kebangsaan menerusi naratif visual di layar perak. Karya sinema bukan sahaja mendokumentasikan memori kolektif bangsa, malah berperanan mencetuskan dialog sosial berkaitan nilai moral dan kemanusiaan (Hassan Muthalib, 2007).

### 6.2 Konsep teater dan drama dalam kajian akademik

Teater dan drama merupakan dua cabang seni persembahan yang saling melengkapi tetapi memiliki keunikan dan nilai estetika yang tersendiri. Menurut Balthazar Vallhagen (seperti yang dipetik dalam Putri, 2023) menjelaskan bahawa teater merupakan manifestasi seni drama yang menzahirkan watak dan perwatakan manusia menerusi paduan gerak fizikal serta ekspresi muka. Dari sudut pandangan ilmiah, Solehah Ishak (2001) menyifatkan drama sebagai objek kajian yang versatile kerana boleh dianalisis daripada pelbagai dimensi termasuk struktur naskhah, proses penulisan, fasa produksi, pengarahan, estetika persembahan, hinggalah kepada maklum balas penonton.

Selain itu, Anne Civardi (seperti yang dipetik dalam Satu Radar, 2019) mengdefinisikan drama sebagai penyampaian cerita melalui lakonan watak yang disokong oleh pergerakan dinamik dan dialog yang kuat. Syed Alwi (2003) pula menegaskan bahawa seni pementasan teater tempatan memerlukan disiplin tinggi untuk menyatukan emosi dan ketangkasan fizikal secara langsung di hadapan penonton tanpa ruang untuk kesilapan. Perbezaan medium ini turut membawa tuntutan teknikal yang berlainan. Karya filem dan televisyen bergantung kepada proses pasca penerbitan serta sudut kamera, manakala teater bergantung sepenuhnya kepada lontaran vokal, ketahanan fizikal, serta tenaga langsung pelakon di atas pentas (Mana Sikana, 2006).

**6.3 Signifikan penulisan skrip sebagai tulang belakang karya**

Kualiti sesebuah penerbitan drama, teater, mahupun filem bermula daripada kekuatan lakon layer. Berdasarkan teori struktur dramatik oleh Syd Field (2005), lakon layar ialah tunjang mekanikal dan organik sesebuah karya dimana tanpa plot yang kemas serta pembangunan watak yang mendalam, aspek sinematografi atau lakonan tidak mampu menyelamatkan sesebuah penceritaan. Penulis skrip memegang peranan dalam membina konflik, mengawal tempo penceritaan, serta menyelitkan subteks yang akan dihidupkan oleh barisan pelakon dan pengarah.

Bagi industri perfileman tempatan, Hatta Azad Khan (2008) mengetengahkan kelemahan skrip yang kurang penyelidikan rapi sebagai cabaran utama sinema kita. Skrip yang berwibawa bukan sekadar menyusun dialog, sebaliknya menerjemahkan psikologi manusia dan memberi ruang kepada pelakon untuk mendalami watak secara lebih mendalam. Justeru, penulis skrip diiktiraf sebagai penggerak utama dalam menghasilkan karya seni yang berkualiti tinggi dan berdaya saing.

**6.4 Seni lakonan dan pendekatan psikologi pelakon**

Asas terpenting dalam menerjemahkan naskhah bertulis kepada bentuk visual adalah kualiti seni lakonan. Menurut *Encyclopaedia Britannica*, lakonan ditakrifkan sebagai seni menghidupkan emosi dan fizikal watak, sama ada di atas pentas mahupun di hadapan lensa kamera. Kehadiran pelakon yang berilmu amat kritikal bagi mengubah skrip bertulis menjadi sebuah persembahan yang bernyawa.

Dari sudut psikologi penghayatan watak, pengasas sistem latihan teater moden, Constantin Stanislavski (1936), mengetengahkan prinsip bahawa pelakon mesti mempunyai tumpuan yang khusus dan tidak boleh terarah kepada penonton di auditorium. Teori ini menuntut seseorang pelakon mewujudkan 'lingkaran perhatian' supaya fikiran dan daya imaginasi mereka tidak terganggu oleh kehadiran audiens atau kru produksi. Di Malaysia, Rahimah A. Hamid (2011) mendapati bahawa pelakon veteran membina kehebatan watak berasaskan kematangan pengalaman hidup serta penguasaan teknik empati yang mendalam. Kematangan pemikiran dan persepsi kendiri ini membolehkan mereka melahirkan karakter yang jujur dan berjiwa, sekali gus membuatkan penonton bukan sahaja mendengar dialog, malah merasai sendiri gejolak emosi watak tersebut.

### 6.5 Evolusi industri seni dari media tradisional ke era digital

Peralihan zaman dari hujung abad ke-20 hingga abad ke-21 telah mengubah landskap industri hiburan secara drastik. Menerusi teori *Media Convergence*, Jenkins (2006) menghuraikan bagaimana ledakan teknologi maklumat mencetuskan pertindihan antara media konvensional dan baharu, sekali gus mengubah corak penyiaran kandungan serta cara anak seni berinteraksi dengan peminat.

Jika pada era 1980-an dan 1990-an reputasi serta publisiti pelakon bergantung penuh kepada ulasan akhbar, majalah hiburan, dan tayangan stesen penyiaran rasmi, kehadiran media sosial hari ini mewujudkan anjakan ke arah "penjenamaan kendiri" (*self-branding*). Menurut Mohd Nor Shahizan et al. (2018), media sosial telah meruntuhkan jurang pemisah antara penggiat seni dengan peminat, membolehkan komunikasi dua hala dan maklum balas masa nyata berlaku tanpa perantara agensi berita. Bagi seniman veteran, transformasi digital ini merupakan fasa penyesuaian yang kritikal antara mempertahankan integriti mutu lakonan tulen dengan tuntutan kebolehlihatan (*visibility*) di ruang siber kontemporari.

## 7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif yang bersesuaian dengan matlamat dan objektif penyelidikan. Kaedah ini dipilih kerana berkeupayaan meneroka maklumat secara mendalam, fleksibel, serta membolehkan penilaian reflektif dibuat berasaskan maklum balas tokoh. Sehubungan dengan itu, kaedah lisan diaplikasikan sepenuhnya melalui sesi temu bual separa berstruktur bagi mengumpul data primer daripada ucapan, penceritaan, dan perbualan langsung. Pemilihan kaedah ini membolehkan tokoh mengutarakan pandangan serta memperincikan pengalaman beliau dalam industri seni secara bebas dan meluas.

Bagi menjayakan kajian ini, tokoh seni warisan yang dipilih ialah Tuan Shaharuddin Thamby. Pemilihan beliau dibuat berasaskan pemenuhan kriteria tugasan yang ditetapkan, merangkumi faktor usia, latar belakang kerjaya, serta pengalaman luas beliau dalam bidang seni persembahan. Tema kajian iaitu "Seniman Veteran dan Tokoh Seni Warisan Tempatan" sememangnya amat bertepatan dengan ketokohan beliau. Sikap beliau yang ramah, terbuka, serta bersemangat dalam berkongsi kisah perjalanan seni turut melancarkan proses pengumpulan data. Tokoh yang dikenali dengan nama pentas Shahruddin Thamby ini dilahirkan pada 15 Mac 1957.

Bagi penyediaan instrumen kajian, soalan-soalan temu bual dirangka berpandukan garis panduan dan tunjuk ajar yang diterima secara dalam talian. Walaupun beberapa transkrip kajian tokoh terdahulu dijadikan rujukan dari segi struktur dan aliran temu bual, pembinaan soalan asal ini dirangka sepenuhnya oleh kumpulan penyelidik. Prosedur penyediaan instrumen merangkumi sesi penelitian contoh rujukan, perbincangan kritis ahli kumpulan untuk menentukan soalan yang relevan, serta rujukan silang terhadap bahan literatur yang bersesuaian bagi memantapkan kualiti soalan.

Sesi temu bual ini telah dilaksanakan secara bersemuka di Kafe FINAS, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Hulu Kelang. Pemilihan lokasi ini memastikan interaksi dan sesi rakaman audio berjalan lancar dalam persekitaran yang kondusif, tenang, serta bebas daripada sebarang gangguan.

## 8. HASIL KAJIAN

Berdasarkan sesi temu bual bersama Tuan Shaharuddin bin Tambi atau lebih dikenali dengan nama pentas Shaharuddin Thamby, penyelidik berjaya memperoleh maklumat terperinci dan menyeluruh bagi memenuhi objektif penyelidikan. Hasil dapatan kajian dirumuskan mengikut beberapa fokus utama:

### 4.1 Perbezaan medium antara filem, drama televisyen, dan teater

Hasil kajian memperincikan perbezaan asas antara genre filem, drama televisyen, dan pementasan teater yang menjadi cabang utama penglibatan seseorang pelakon. Dari sudut medium penyampaian, seni perfileman memfokuskan kepada tayangan layar perak di pawagam, drama mendominasi siaran di kaca televisyen, manakala teater pula dipersembahkan secara langsung di atas pentas hadapan audiens. Dari aspek teknikal penerbitan, medium filem dan drama televisyen melalui proses rakaman awal serta fasa pascapenerbitan atau penyuntingan yang rapi bagi menepati kehendak dan visi kreatif pihak penerbit, berbeza dengan persembahan teater yang berlangsung secara langsung tanpa suntingan masa nyata.

### 4.2 Signifikan peranan penulis skrip

Hasil seterusnya menyorot kepentingan peranan penulis skrip sebagai nadi penggerak industri seni perfileman dan seni persembahan di Malaysia. Menurut tokoh, kekuatan dan hala tuju sesebuah karya bersandarkan kepada keaslian idea serta kehebatan daya cipta seorang penulis. Penulis memikul tanggungjawab besar sebagai tunjang utama dalam menstruktur penceritaan, membina naratif, serta memastikan mesej tersirat sesebuah filem, drama, mahupun teater dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan kepada khalayak penonton.

### 4.3 Pendekatan minda dan penghayatan watak

Hasil kajian turut merungkai aspek pemikiran dan kemahiran mendalami sesuatu watak yang menjadi asas penting bagi seseorang pelakon. Penghayatan watak merupakan elemen paling utama dalam penglibatan mereka menjayakan sesebuah karya, di mana proses penilaian yang dibuat oleh penonton terhadap lakonan yang dizahirkan menjadi kayu ukur kejayaan seseorang pelakon tersebut. Di samping itu, tahap pemikiran dan kematangan idea seseorang individu berkait rapat dengan cara mereka membawa diri dalam kehidupan seharian serta keupayaan menterjemahkan perwatakan yang meyakinkan di layar persembahan.

### 4.4 Evolusi landskap industri seni lakonan mengikut peredaran zaman

Hasil kajian akhir mengupas perubahan landskap industri perfileman dan teater mengikut peredaran zaman berdasarkan pengalaman luas tokoh yang telah berkecimpung dalam dunia seni lakonan dari tahun 1989 hingga kini. Pada era terdahulu, proses mempromosikan bakat seseorang pelakon bergantung sepenuhnya kepada mutu lakonan serta publisiti media cetak tradisional seperti akhbar dan majalah. Sebaliknya, perkembangan era digital dan kemudahan media sosial masa kini mewujudkan fenomena baharu yang membolehkan pelakon mempromosikan diri secara aktif,

berkongsi perkembangan terkini, berinteraksi secara terus dengan peminat, serta menerima maklum balas dan kata-kata semangat tanpa perantara.

Secara keseluruhannya, Tuan Shaharuddin Thamby telah memberikan kerjasama penuh dengan menjawab setiap persoalan secara komprehensif, tuntas, dan bertepatan dengan kriteria kajian. Sesi temu bual ini turut dilampirkan bersama bukti fotografik yang merakamkan proses perbincangan berlangsung.




*Gambar semasa temubual dijalankan bertempat di Kafe FINAS, Ulu*

**9. KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian kualitatif ini telah berjaya mendokumentasikan khazanah pengalaman yang luas serta pandangan berharga daripada Tuan Shaharuddin Thamby, seorang tokoh seniman veteran yang telah mencurahkan jasa dan sumbangan yang amat besar kepada landskap industri perfileman dan teater tanah air. Menerusi pendekatan kaedah lisan melalui sesi temu bual ini, pengkaji berupaya menyelami realiti sebenar liku-liku kehidupan warga seni, cabaran emosi serta teknikal dalam mendalami proses penghayatan watak, di samping menilai bagaimana perkembangan pesat era digital telah mengubah corak dan dinamika dunia seni kontemporari.

Usaha pendokumentasian secara mendalam ini amat signifikan kerana ia bukan sahaja bertindak sebagai bahan rujukan ilmiah dan arkib sejarah yang bernilai tinggi buat penyelidik masa hadapan, malah berfungsi sebagai wadah pedoman serta sumber inspirasi yang bermakna bagi membimbing para penggiat seni generasi baharu. Justeru, segala perkongsian ikhlas daripada tokoh diharap dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada para seniman muda untuk terus berdaya saing dan melangkah jauh dalam memartabatkan industri seni kreatif tempatan dengan berpaksikan prinsip profesionalisme yang utuh, disiplin yang tinggi, serta pemikiran yang matang dan rasional.

**RUJUKAN**

Amani Dahaman. (2011). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan laporan projek*. McGraw-Hill Education.

Asiah Sarji. (2004). *Perkembangan media dan filem di Malaysia: Satu analisis sejarah dan sosiobudaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. *(Rujukan Tambahan)*

Destiara Anggita Putri. (2023, Februari 3). *Menilik pengertian seni teater menurut para ahli*. Katadata.co.id. https://katadata.co.id/agung/lifestyle/63db85f574cf1/menilik-pengertian-seni-teater-menurut-para-ahli

Fauziah Kartini, Faridah Ibrahim, & Mohd Safar Hasim. (2009). *Penontonan filem Cekara di Malaysia: Tingkah laku, citarasa, persepsi dan harapan*. Kuala Lumpur: FINAS.

Field, S. (2005). *Screenplay: The Foundations of Screenwriting*. Bantam Dell.

Hassan Muthalib. (2007). Mengangkat martabat filem Malaysia ke peringkat antarabangsa. *Jurnal Skrin Malaysia*, 4(1), 15–28.

Hatta Azad Khan. (2008). *Teori dan Praktis Lakon Layar Filem*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismaliza binti Ishak. (2015). *Strategi kaedah lakonan dalam monodrama dan monolog* [Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia]. Institutional Repository USM. http://eprints.usm.my/30113/1/final_tisis_cd.pdf

Jenkins, H. (2006). *Convergence Culture: Where Old and New Media Collide*. New York University Press.

Juliana Abdul Wahab, & Mahyuddin Ahmad. (2009). Filem box office dan ideologi: Satu kajian terhadap filem-filem terpilih di Malaysia. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 8, 44–68.

Mana Sikana. (2006). *Kritikan Sastera Pendekatan Pascastrukturalisme dan Pascamodenisme*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nor Shahizan, Mohamad Salleh, A., & Ahmad, A. L. (2018). Transformasi komunikasi digital dan budaya media sosial di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 112–129.

Pengertian Drama Adalah: Menurut Para Ahli, Karakteristik, Unsur, Struktur dan Jenis Drama. (2019, Oktober). *Satu Radar*. https://www.saturadar.com/2019/10/Pengertian-Drama.html

Rahimah A. Hamid. (2011). *Kreativiti dan kearifan tempatan dalam seni persembahan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. *(Rujukan Tambahan)*

Silllalee, S. K. (2015). *Latar belakang industri perfileman*. Repositori Universiti Malaya. http://studentsrepo.um.edu.my/6135/3/BAB_3.pdf

Shaharuddin Thamby. (2022, November 13). Dalam *Wikipedia*. https://ms.wikipedia.org/wiki/Shaharuddin_Thamby

Stanislavski, C. (1936). *An Actor Prepares*. Theatre Arts Books.

Syed Alwi. (2003). *Seni teater dan pengarahan pentas di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *(Rujukan Tambahan)*